
Penafsiran data satelit dan geofizik di Sungai Aring, Ulu Kelantan, Kelantan Darul Naim

RUBEN RAJ SUSAI, KAMARUDIN SAMUDING & KAMARUDIN ZAKARIA
Department of Geology
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi

Penafsiran data satelit dan geofizik telah dijalankan di kawasan Sungai Aring, Ulu Kelantan. Penafsiran ditumpukan kepada sempadan formasi dan juga struktur-struktur mega. Imej satelit yang digunakan ialah Landsat TM yang terdiri dari komposit warna palsu (False Colour Composite) dan juga imej tunggal. Landsat TM ini dapat menolong dalam menentukan sempadan litologi dan juga sesar major di kawasan kajian. Survei geofizik yang digunakan ialah kaedah magnet. Keamatan kemagnetan telah diukur di beberapa rentisan jalan balak yang melintasi Formasi Aring dan juga Formasi Telong. Dari pemplotan graf, didapati kenaikan keamatan jelas antara Formasi Aring dan Formasi Telong dan juga sesar major. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan zon batuan terretak yang boleh diasosiasikan dengan sesar mendatar utama yang terdapat di kawasan kajian.